

UBAT MELALUI POS (UMP)

PENGENALAN

- Perkhidmatan penghantaran **Ubat Melalui Pos** ialah perkhidmatan **pembekalan ubat susulan** terus ke lokasi pilihan pesakit dengan **caj kiriman** yang telah ditetapkan.
- Perkhidmatan ini merupakan pilihan kepada pesakit dan perlu memenuhi kriteria tertentu yang telah ditetapkan bagi perkhidmatan ini.
- Perkhidmatan ini adalah kerjasama antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pos Malaysia Berhad.

OBJEKTIF

- Mengurangkan masa menunggu pesakit di kaunter farmasi
- Menjamin kesinambungan bekalan ubat susulan pesakit
- Meningkatkan tahap komplians pesakit terhadap ubat-ubatan

KRITERIA PEMBEKALAN UMP

PESAKIT

- Patuh dan faham mengenai terapi pengubatan
- Faham cara penggunaan dan pengambilan ubat
- Stabil

PRESKRIPSI

- Susulan
- Penyakit kronik
- Bekalan ubat kali pertama di kaunter farmasi
- Tempoh melebihi 1 bulan

UBAT

- Bentuk dos tablet / kapsul
- Tidak memerlukan penyimpanan khusus
- Bukan jenis psikotropik
- Tidak dibekalkan secara berasingan

KRITERIA UBAT UNTUK PERKHIDMATAN UMP

BIL	JENIS SEDIAAN	CATATAN
1	Tablet/ Kapsul	TERTAKLUK KEPADA SEDIAAN KOMERSIAL & TIDAK DI PRABUNGKUS
2	Granul/ Serbuk	
3	Sirap	
4	Inhaler jenis <i>Non Aerosol</i>	
5	Ubat sembur hidung	
6	Ubat titis hidung	
7	Ubat titis telinga/mata	
8	<i>Patch</i>	


- Bukan jenis **ubat psikotropik**
- Tidak sensitif kepada perubahan **suhu dan kelembapan**
- **Bukan item peti sejuk**

KADAR CAJ PENGHANTARAN

Kawasan Penghantaran		Caj Kiriman	
Dari	ke	< 500gm	< 1000gm
Semenanjung Malaysia	Semenanjung Malaysia	RM 5.30	RM 6.50
Semenanjung Malaysia	Sabah / Sarawak	RM 8.50	RM 10.60

Pembayaran dibuat secara **TUNAI** kepada Pihak PosLaju semasa kiriman ubat diterima (*Cash on Delivery*)

CARA PERMOHONAN UMP

- Pesakit yang mengambil ubat kali pertama di kaunter farmasi, boleh memohon servis UMP melalui **aplikasi MyUBAT**. Aplikasi ini **baru** beroperasi di Hosp Serdang pada Julai 2021 **menggantikan** borang manual sebelum ini. Sila rujuk **risalah MyUBAT** untuk pendaftaran aplikasi dan permohonan UMP.
- Bagi **pesakit discaj dari wad** juga adalah melalui kaedah yang sama iaitu menerusi aplikasi berkenaan yang boleh dimuat turun melalui **Play Store, App Store** atau **AppGallery** / imbas kod QR 
- Pesakit perlu memahami **kriteria** jenis ubat yang dibenarkan dan bersetuju dengan **kadar bayaran pos** yang ditetapkan dengan mengesahkan permohonan melalui aplikasi.
- Permohonan UMP yang **baru** perlu dipohon melalui aplikasi **setiap kali terdapat temujanji** dengan doktor di mana preskripsi yang baru akan dipesan di dalam sistem.
- Bagi pesakit ***Adhoc UMP** (pesakit di mana temujanji klinik mereka ditunda ke tarikh lain), permohonan UMP juga menerusi aplikasi MyUBAT.

*Untuk pesakit *Adhoc* UMP, bekalan ubat di rumah **HENDAKLAH** sekurang-kurangnya **cukup untuk 2 minggu**

■ Pendaftaran aplikasi

RISALAH MyUBAT



Pendaftaran Pengguna Baru



1 Muat turun
aplikasi
melalui :



2 Pilih log masuk
kali pertama.

Log Masuk

Log Masuk

Log Masuk Kali Pertama

3

Lengkapkan profil diri.

- Nama
- No. kad pengenalan
- No. telefon
- Negeri
- Hospital/klinik
- Tarikh lahir
- Alamat emel
- Kata laluan

Profil Diri

Tarikh Lahir

Set Tarikh

E-mel

Set Kata Laluan

Ulang Kata Laluan

Masuk



- Permohonan UMP melalui aplikasi

MyUBAT : Ubat Melalui Pos (UMP)

7 Langkah Untuk Membuat Permohonan Ubat Melalui Pos (UMP)

- 1 Klik "Ubat Melalui Pos (UMP)".
- 2 Klik "Mohon Perkhidmatan".
- 3 Isi tarikh temu janji klinik. Muat naik gambar preskripsi atau kad temu janji. Tanda pada petak persetujuan bayaran. Klik "Hantar".
- 4 Tunggu 1-3 hari bekerja untuk mendapat pengesahan daripada pihak farmasi.
- 5 Semak status permohonan. Tarikh ubat dipos akan dipaparkan bagi permohonan yang diluluskan.
- 6 Status "Ubat telah dipos" dan "tracking number" akan dipaparkan selepas ubat dipos. Terima ubat daripada syarikat penghantaran. Klik "Sah Terima Ubat" selepas menerima ubat.
- 7 Mesej pengesahan akan dipaparkan pada skrin.



RISALAH
MyUBAT

PEMBEKALAN UBAT

- Bekalan ubat yang dipos adalah untuk tempoh 2 bulan bergantung kepada stok semasa ubat-ubatan di farmasi
- Ubat akan dibekalkan setiap 2 bulan sehingga temujanji pesakit dengan doktor atau tamat tempoh setiap satu preskripsi

SEMAKAN *TRACKING NUMBER POSLAJU*

- *Tracking number* Poslaju boleh disemak di laman web Hospital Serdang (hserdang.moh.gov.my) sekurang-kurangnya 1 minggu sebelum tarikh bekalan ubat susulan dijangka sampai.
- Dimaklumkan bahawa semakan *tracking number* di laman web hospital hanya untuk pesakit yang TIDAK menggunakan aplikasi MyUBAT.
- Bagi pesakit yang menggunakan aplikasi MyUBAT, *tracking number* akan dihantar terus ke telefon bimbit setelah pengiriman ubat berjaya dibuat.

**HUBUNGI
KAMI**

- Sebarang pertanyaan mengenai UMP boleh hubungi kami di talian 03-8947 5555 ext 1113 pada hari bekerja dari pukul 8.00 pagi – 5.00 petang